

Pupuk nilai kasih sayang

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

Setiap rakyat harus jadikan slogan 'Keluargaku Syurgaku' suatu impian yang perlu dicapai dan diusahakan

- Abdullah Ahmad Badawi

KUALA LUMPUR 10 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat memupuk nilai kasih sayang dalam keluarga bagi membina keluarga bahagia.

Perdana Menteri berkata, masyarakat harus menjadikan kasih sayang sebagai amalan dalam hidup.

"Setiap rakyat harus jadikan slogan 'Keluargaku Syurgaku' suatu impian yang perlu dicapai dan diusahakan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Hari Keluarga Polis di Taman Tasik Titiwangsa di sini hari ini.

Abdullah berkata, jika kasih sayang dipupuk termasuk di kalangan kakitangan kerajaan seperti anggota polis, ia akan meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam pasukan.

Menurutnya, jika anggota polis mempunyai keluarga bahagia, ia akan menjadi pendorong kepada mereka untuk menjadi anggota yang komited.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, kasih sayang tidak akan lahir secara Semula jadi sebaliknya perlu dipupuk sepanjang masa.

"Kasih sayang tidak boleh dibina dalam masa sehari atau setahun," katanya.

Kata beliau, perasaan jemu melayan anggota keluarga kadangkala datang dalam diri seseorang dan perasaan seumpama itu tidak harus dilayan.

Perdana Menteri juga menggesa setiap anggota keluarga supaya menghargai anggota lain dalam keluarga mereka.

"Ia penting supaya setiap anggota keluarga mengecap kasih sayang yang mencukupi.

"Anggota keluarga kita telah bersama-sama kita semasa susah dan semasa senang kita tidak seharusnya melupakan mereka," jelasnya beliau.

Menurutnya, ibu bapa juga perlu memupuk hubungan kasih sayang yang kuat dengan anak-anak.

"Jika ibu bapa Keluar rumah dengan orang lain, anak-anak akan berasa tidak bahagia berada di rumah.

"Begitu juga jika ibu bapa suka bersendirian dengan hal masing-masing, ia juga tidak baik untuk anak-anak, kerana mereka tidak mendapat perhatian dan tidak dihormati," katanya.

Abdullah berkata, jika keadaan seperti itu berterusan, ia akan membawa kesedihan dan akan menjadi contoh yang tidak baik kepada anak-anak.

Beliau berkata, anak-anak juga harus menghargai ibu bapa.

"Selalunya apabila ayah atau ibu kita meninggal dunia, barulah kita akan berasa kehilangan dan sedih.

"Kita akan berasa bersalah kerana semasa mereka hidup, kita telah mengabaikan mereka," katanya.

Begitu juga dengan suami atau isteri, apabila salah seorang meninggal dunia barulah timbul rasa bersalah kerana tidak mengendahkan mereka.



ABDULLAH Ahmad Badawi mendukung Yuzielawaty Yakub, 1, sambil diperhatikan ibunya, Rifqyah Qurraatuain Romie selepas merasmikan Hari Keluarga PDRM di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, semalam.

"Kita akan terkenang kekurangan yang ada pada dirinya yang Selama ini kita persoalkan, sehingga ia menjadi ingatan yang membawa kesedihan," katanya.

Terdahulu, Abdullah mengucapkan takziah kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Bakri Omar atas pemergian isterinya,

Allahyarham Puan Sri Zeleha Mohamed ke rahmatullah kelmarin akibat serangan angin ahmar dan tekanan darah tinggi.

Beliau menyifatkan kematian Allahyarham suatu kehilangan kepada keluarga warga polis.